

Rangkuman harian dalam Malaysia Petang Ini

Bernamea TV sajikan program berkonsep *news & talk*, tidak terikat format rasmi berita, disampaikan secara santai

SELEPAS Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin mengadakan Pengumuman Khas Pengisytiharan Darurat pada pagi 12 Januari 2021 disertai dengan kenyataan media Istana Negara memaklumkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan supaya pengisytiharan proklamasi darurat dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk membendung gejala wabak Covid-19, sebahagian masyarakat mula resah dan tidak tahu apa peranan mereka.

Menjelang tengah hari, media sosial dibanjiri dengan pelbagai jenis perbincangan dari skala paling tinggi melibatkan soal perlembagaan sehinggalah polemik bersifat khobar angin, cakap-cakap kosong dan spekulasi.

Apabila rancangan *Malaysia Petang Ini* (MPI) terbitan Bernama TV memulakan siaran langsung hariannya tepat jam 3 petang hari yang sama, hampir kesemua persoalan masyarakat telah dihipunkan dan dibawa ke meja perbincangan serta dapat dijelaskan dari sudut perlembagaan, ekonomi, sosiobudaya dan impaknya kepada negara.

Penglibatan tiga panelis berkredibiliti yang bersiaran langsung pada hari berkenaan iaitu Penyandang Kursi Institut Raja-Raja Melayu UiTM, Prof. Dr. Shamrahayu Ab Aziz; Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kemasyarakatan &



Shuhaimi Mohamed (kiri) dan Wan Syahrina Wan Ab Rahman mengacarakan *Malaysia Petang Ini*.

Kewarganegaraan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Norazlan Hadi Yacob dan Penganalisis Ekonomi, Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid hanya diatur dalam tempoh yang singkat sebelum ke udara.

Mereka memberikan input berdasarkan pengetahuan luas dalam bidang berkaitan hampir secara inpromptu. Inilah konsep segera dan semasa yang dijanjikan dalam program MPI.

MPI memulakan siarannya pada 5 Jun 2020 atas inisiatif Ketua Penyiaran Bernama, Roslan Ariffin dan Ketua Bernama TV, Arul Rajoo Durar Raj.

Kekuatannya tampil menerusi konsep program *news & talk*, bermaksud ia tidak terikat dengan format rasmi berita atau buletin TV, disampaikan secara santai dan akrab dengan masyarakat, mengumpulkan kompilasi isu-isu utama pada hari berkenaan, serta mengandungi penjelasan atau ulasan lanjut dari sumber sah.

Situasi di mana panelis dihubungi untuk memberikan reaksi berkenaan satu-satu isu hanya beberapa minit sebelum ke udara adalah perkara biasa, malah pasukan penerbitan juga pernah mengaturkan temu bual inpromptu semasa program sedang bersiaran langsung.

Mencabar

Bagi Dr. Shamrahayu, MPI sebenarnya mencabar keupayaan beliau dalam menganalisis, kerana konsepnya yang mendepani isu yang timbul pada hari tersebut secara inpromptu atau spontan.

"Sebenarnya bukan calang-calang untuk memberikan pandangan segera, terutamanya dalam siaran langsung yang disaksikan ramai. Pada pemerhatian saya analisis di MPI berkaitan isu semasa menggunakan pendekatan pantas, padat dan berinformasi," jelasnya.

Pakar perlembagaan ternama itu sering memberikan kerjasama yang sangat baik dalam berkongsi panduan berkaitan governans dan institusi diraja.

"Pendekatan pantas, padat dan berinformasi ini memerlukan pengacara yang berpengalaman, mampu menganalisis isu dengan baik dan kreatif dalam mengemukakan persoalan," sambung Dr. Shamrahayu lagi.

MPI menampilkan kelainan dengan membariskan dua pengacara pada setiap siaran, dengan anggaran kepadatan 15 hingga 20 kandungan berita terkini dalam masa 27 minit dan bernaratif *fast-paced*.

Kandungan harian memuatkan perkembangan berkaitan Covid-19 di Malaysia dan tidak ketinggalan juga, kemas kini sektor ekonomi, perniagaan dan isu-isu lain rakyat.

Seorang lagi penganalisis dari Sekolah Perniagaan & Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Anuar Shah Bali Mahomed adalah an-



tara ahli akademik dan pemerhati yang berupaya memberikan perspektif meluas untuk dihadam rakyat menerusi kupasan beliau dalam program MPI.

Beliau juga kerap kali menyaksikan buah fikirannya yang dikongsikan dalam program ini, kemudiannya diangkat menjadi pandangan nasional.

"Di peringkat kerajaan dan pembuat dasar, MPI telah mengetengahkan input dan cadangan berguna daripada panelis yang juga pakar dalam bidang masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kerajaan dalam menambah baik pelaksanaan, khususnya yang melibatkan krisis kesihatan dan ekonomi," katanya.

Beliau turut mengharapkan program seperti MPI ini dapat menjadi pengantara yang efektif dalam menyampaikan mesej kepada kerajaan dan pembuat dasar terutamanya bagi situasi yang memerlukan tindakan drastik dan segera dalam mengatasi isu berkaitan survival kehidupan rakyat secara keseluruhan.

"Outreach kerajaan kepada pelbagai lapisan rakyat mungkin tidak dapat dilakukan dengan pantas setiap hari, jadi biarlah peranan media seperti program MPI ini untuk 'reach out' pula kepada kerajaan dan menjadi pemudah cara bagi semua pihak mendapatkan pandangan yang paling bernas," cadang beliau.

Selain soal pentadbiran negara, isu kesihatan dan ekonomi, antara kandungan berita lain yang juga menjadi keutamaan program ini adalah perihal politik khususnya sejak medan berkenaan sering menyaksikan tercetusnya perkara atau insiden yang menggemparkan dan menjadi buah mulut masyarakat.

Elemen ketara yang membezakan MPI sebagai program kemas kini harian dengan siaran rasmi berita, adalah unsur *human interest* yang turut diselitkan dalam program ini seperti cerita-cerita kemanusiaan, hiburan, sukan malah juga sesekali tentang frasa yang 'trending' di Twitter atau video yang sedang tular di TikTok pada hari berkenaan.

Malaysia Petang Ini bersiaran setiap hari Isnin hingga Jumaat, jam 3 petang di Bernama TV. Bernama TV boleh diikuti di Saluran Astro 502/ Unifi TV 631/ myFreeview 121



Hos *Malaysia Petang Ini*, Irfan Faruqi (kiri) dan Ziana Nasir bersedia di studio sebelum siaran langsung.